



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

| | |
|---|-----|
| 1. Peneman Setia | 1 |
| 2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual | 5 |
| 3. Inspirasi Dale Carnegie | 8 |
| 4. Aku, Buah dan Buku | 15 |
| 5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian | 20 |
| 6. Aku di Alam Buku | 24 |
| 7. Kisah Imam Syafie | 27 |
| 8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia | 33 |
| 9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh | 39 |
| 10. Bukuku adalah Teman Karibku | 45 |
| 11. Korban Kasih | 51 |
| 12. Buku, Penyelamatku | 54 |
| 13. Aku, Abah dan Buku | 58 |
| 14. Sebuah Buku Berwarna Coklat | 62 |
| 15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya | 65 |
| 16. Jasa Terindah | 68 |
| 17. Ditendang Lagi | 71 |
| 18. Anak Sulung | 76 |
| 19. Inspirasi Membentuk Jatidiri | 79 |
| 20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang | 82 |
| 21. Menara Alam dan Kimia Manusia | 86 |
| 22. Minat Membaca yang Hilang | 91 |
| 23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup | 93 |
| 24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan | 96 |
| 25. Kāna yāmā kān | 99 |
| 26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi | 102 |
| 27. Manisnya Senyumanmu | 105 |
| 28. Anak-anakku & Buku | 110 |
| 29. Buku Mendidik Aku | 114 |
| 30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri | 118 |
| 31. Menggenggam Bara | 122 |
| 32. Diari Perjalanan Aku dan Buku | 126 |
| 33. Kertas-kertas yang Harum | 129 |
| 34. Pasti Ada Minatku | 132 |
| 35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan | 135 |
| 36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan | 140 |
| 37. Manga dan Aku | 144 |
| 38. Dirimu Sentiasa Ada! | 148 |
| 39. Sihat with Me | 152 |
| 40. Aksaramu Inspirasiku | 155 |
| 41. Kerana Sebuah Buku | 159 |
| 42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku | 161 |
| 43. Ibrah Melalui Syukur | 165 |
| 44. Kenangan Itu | 168 |
| 45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti | 172 |
| 46. Buku "Tangan Kedua" | 176 |
| 47. "달콤한 추억" di Bumi Korea | 180 |
| 48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024 | 183 |
| 49. Baca Buku? Nerdlah Pulak! | 186 |
| 50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat | 190 |



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Buku, Penyelamatku

Nurul Izzati Md Rashid

Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Antara hari paling indah dalam hidup aku adalah semasa Hari Konvokesyenku. Lulusan ijazah kelas pertama, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dari salah sebuah universiti terkemuka di Malaysia. Gah. Membanggakan. Penuh dengan senyuman dan gelak tawa. Norma Majlis Konvokesyen.

Azureen sahabat baikku yang mesra kupanggil Zureen merengek seraya memeluk lenganku, “Amna, lepas ni susah lah aku nak jumpa kau. Kau bukannya duduk dekat, nun di Perlis sana nun”

Aku balas dengan senyuman. “Ala, sekarang kan senang, boleh *video call*. Tiap-tiap hari aku *call* kau nanti, sampai kau rimas. Kot nanti kau lah yang *block* aku pula.”

Aku pandang ke depan, nama pelajar Fakulti Undang-Undang dibaca satu persatu. Kesemuanya beratur penuh debaran menanti nama dipanggil. Aku pandang ke depan dan aku rasa kosong. Air mataku mula bergenang.

Bukan aku tak mahu bekerja di Lembah Klang, dekat dengan semua kawan-kawanku, lambakan pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang yang aku pelajari, namun, aku ada keluarga yang aku perlu jaga. Ayahku kini sedang lumpuh dan keadaan kesihatan ibuku juga tidak membolehkannya menguruskan ayahku seorang diri. Aku perlu pulang ke Perlis.

Mungkin aku boleh bekerja di Perlis. Tapi... sejujurnya aku sudah boleh mengagak bahawa peluang pekerjaan di Perlis agak terhad khususnya yang berkaitan dengan kelulusan yang aku ada.

Masa semakin pantas berlalu. Diam tak diam sudah dua tahun aku meninggalkan bangku pengajian tinggi. Aku tetap berada di takuk yang sama – yang berubah hanyalah penampilanku yang semakin berisi dek kerana kenikmatan makanan lokal Perlis yang aku makan saban hari dan gaya hidup aku yang kurang sihat. Aku jarang bersenam.

Aku buka laman sosial mediaku, aku lihat Zureen baru sahaja dilantik menjadi Pegawai Eksekutif Kanan di salah sebuah bank terkemuka di Malaysia. “Hebat” bisik kecilku.

Aku skrol ke bawah, aku lihat Najuwah. Beliau merupakan seorang peguam di Shah Alam. Laman sosial media beliau memaparkan perjalanan ke Mahkamah dan aktiviti berjumpa klien di hotel-hotel mewah. Najuwah masih belum berkahwin tapi bahagia bersama teman lelakinya yang juga merupakan seorang peguam. “Wah, macam tak percaya ini kawanku dulu”

Aku skrol lagi, aku lihat Nina. Nina kini merupakan seorang pensyarah di universiti awam di Malaysia. Laman sosial media beliau adalah mengenai pembentangan di konferensi lokal dan luar negara, gambar bersama para pelajar dan pelbagai aktiviti lain. Nina kini sudah berkahwin dengan seorang pengasas produk kesihatan yang kaya.

Aku skrol ke bawah, aku lihat Mirza. Pelajar paling nakal dalam kelasku. Mirza kini merupakan seorang guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu. 'Tak sangka, orang macam kau boleh jadi cikgu. Dulu punyalah nakal suka mengusik pensyarah dan kawan-kawan' aku bermonolog sendirian.

Sejujurnya aku bangga melihat perkembangan hidup semua rakan-rakanku. Namun, pada masa yang sama, aku malu. Aku malu dengan diriku yang tidak mempunyai kerjaya tetap. Aku hilang keyakinan diri. Aku menjauhkan diri daripada semua orang. Aku semakin hilang diriku. Walaupun aku ikhlas bangga akan pencapaian semua rakan-rakanku, aku tidak dapat menahan diri daripada membandingkan pencapaian mereka dengan hidup aku. Aku adalah insan paling tidak berjaya dalam kalangan rakanku. Ini adalah impak negatif sosial media. Perbandingan. Aku gagal mengawal diri. Aku gagal untuk tidak membandingkan diriku dengan rakan-rakanku.

Aku jadi kurang berkeyakinan untuk bertemu dengan orang lain. Aku buat segala rutinku dan banyak menghabiskan masa di dalam bilik. Bersendirian. Sama ada aku termenung atau aku tidur di waktu senggangu. Lama kelamaan, kondisi aku semakin memburuk apabila aku mula berhalusinasi, mudah marah dan menjadi semakin anti-sosial. Ibu dan ayahku yang menyedari perubahanku ini meminta aku ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Aku rasa aku sihat tapi aku tetap ke hospital seperti saranan kedua orang tuaku, kerana aku tidak mahu mereka bising. Hingaq, bak kata orang Perlis. Doktor mengesahkan aku mengalami kemurungan. Doktor menyarankan aku untuk kerap mengambil angin di luar, berhenti menggunakan media sosial untuk mengelakkan aku membandingkan diriku dengan rakan-rakanku yang berjaya dan mulakan hobi baru. Aku juga diberikan ubat dan tarikh rawatan susulan.

'Hobi? Di usia 26 tahun? Untuk mulakan hobi baru? Macam mustahil.' Aku mengomel dalam hati.

Buku, mengubahku.

Sepanjang aku di Perlis, rutinku sama. Bangun pagi, solat, membawa ayahku ke hospital untuk rawatan dialisis, membantu ibuku memasak, solat zohor dan asar membawa ayah dan ibuku ke pantai untuk mendapatkan angin petang dan berehat. Solat maghrib dan isyak kemudian tidur.

Untuk mengisi kebanyakan masaku, aku mula membaca. Pembacaanku bermula daripada majalah di hospital tempat ayahku menjalankan dialisis, majalah kesihatan seperti MyHealth memberiku sedikit sebanyak input mengenai isu kesihatan terkini. Terdapat juga majalah gaya hidup seperti Rapi yang juga memberiku input tentang gaya hidup sihat. Menarik.

Ketika itu, aku sekadar membaca bukan kerana aku suka membaca, tetapi lebih kepada mengisi kebosanan. Lama kelamaan, aku mendapati diriku mula suka membaca artikel penulisan ilmiah. "Wah, banyak ilmu baru yang aku peroleh daripada setiap pembacaanku" celotehku sendirian.

Untuk mengelakkan aku semakin hanyut dalam arus perbandingan di sosial media, aku memilih untuk mula membeli buku fizikal dan tidak membuka sosial media langsung. Tak banyak kedai buku di Perlis. Pilihan yang ada juga tidak berapa menepati selera. Lambakan novel yang berkisarkan kisah cinta yang mungkin lebih sesuai dibaca oleh pelajar sekolah menengah membuatku teragak-agak mahu membeli.

Dalam kesibukan aku membelek buku-buku yang ada.... seorang kanak-kanak menghampiriku, menarik lembut kainku minta didukung. Aku serba salah, mengangkat bayi yang aku anggarkan berumur 2 tahun itu. Comel.

“Eh, Nurin Amina, kenapa kacau kakak tu. Ayah dah suruh duduk diam diam kan? Maaf ya, anak saya ganggu Cik pula.” Kedengaran suara seorang lelaki kemas bertali leher tercungap-cungap mengambil nafas sambil meminta maaf berjalan ke arahku.

“Tak apa, saya tengah pilih buku. Rasa macam nak beli buku tapi tak tahu nak beli buku apa. Tak ganggu pun.” Aku sempat lihat ditangannya ada sebuah buku bertajuk ‘Yang Paling Patah Antara Kita’ dan Majalah Pa & Ma edisi terkini.

“Oh, Cik suka buku jenis apa? Kalau saya lebih suka genre *self-help*.” Katanya kepadaku seraya mengambil anaknya dari dakapanku. “Tapi itulah, kita duduk Perlis ni tak berapa banyak pilihan buku yang kita ada. Kalau cik nak beli, boleh beli buku macam saya ni di rak hujung. Penulis ni antara penulis kegemaran saya” beliau berlalu pergi ke kaunter bayaran selepas mengucapkan selamat tinggal.

Aku berjalan ke rak hujung yang ditunjukkan, ambil buku yang sama seperti lelaki tadi dan terus membuat bayaran. Aku habis membaca buku tersebut dalam masa sehari. Aku suka gaya penulisannya, memberi inspirasi dibalik bait-bait yang tertaip dalam buku itu.

Esoknya, aku ke kedai buku yang lain pula untuk melihat jenis buku yang mungkin menarik untuk aku jadikan bahan pembacaanku. Alhamdulillah, disini aku membeli tiga buah buku berunsurkan motivasi dan *self-help*. Aku semakin gembira. Rutinku masih sama, cuma aku selitkan pembacaan buku di sepanjang aktivitiku.

Aku mempelbagaikan jenis pembacaanku. Aku juga membaca buku fiksyen yang membolehkanku berasa seolah-olah aku sedang melancong di luar negara. Melalui penulisan buku-buku yang aku baca, aku dapat merasakan pengalaman menelusuri terusan di Venice, Itali, panas dan keringnya udara di kawasan Piramid Giza di Mesir dan indahnya laut di Maldives. Meskipun secara fizikalnya aku hanya berada di sebuah perkampungan nelayan di Perlis, pembacaanku membolehkan aku keluar dari kepompongku. Mindaku berlayar jauh ke serata dunia.

Buku fizikal kini mahal, oleh itu, aku mula menggunakan kemahiran memasak yang aku pelajari dari nenek untuk membuat set makanan tengahari. Aku masak mengikut tempahan yang dibuat sehari sebelum. Alhamdulillah, sehari aku mendapat sekurang-kurangnya tiga puluh pesanan. Masaku dipenuhi dengan aktiviti penyediaan masakan diwaktu petang.

Buku yang pada awalnya digunakan aku untuk memenuhi masa lapangku, kini adalah penemanku. Semua pekerja kedai buku kini mengenaliku, dek kerana terlalu kerap aku melawat kedai mereka. Laungan “Hai Kak Amna!” sudah sebati dengan telingaku. Aina dan Afiq, dua pekerja belia di kedai kegemaranku. “Hari ini ada buku baru, nak tengok tak?”

Perkongsian ilmu

Aina dan Afiq juga memaklumkan aku mengenai kelab buku yang ditubuhkan oleh warga Kargar untuk sesi perkongsian ilmu pada hujung minggu. “Menarik, tapi layak ke saya pergi? Saya pun baru je mula baca buku ni. Segan pula.”

“Alah, Aina ni mana pernah baca buku, elok je pergi Kak. Kalau tak buat perkongsian, kita boleh je dengar orang buat perkongsian. *Best*, Kak. Kalau bosan hujung minggu, jomlah ikut sekali” sampuk Afiq. Aina menjegil marah.

Minggu pertama aku mengikuti sesi perkongsian tersebut, aku jatuh hati dengan kelab tersebut. Salah seorang individu yang berada disitu menyapaku, “Assalamualaikum, Cik. Ingat saya lagi tak?”

“Ayah Nurin Amina?” balasku sedikit terkejut. Dia menunjukkan tempat untuk aku duduk, memberiku air, meminta aku untuk memegang Nurin Amina seraya terus naik ke *podium* untuk membuat perkongsian. Buku yang dibaca olehnya adalah buku berunsur ketuhanan. Menarik. Nurin Amina yang duduk di pangkuanku juga memandangi ayahnya.

Selesai perkongsian darinya, beberapa orang pakcik dan makcik bertanyakan soalan mengenai buku tersebut. Dia menjawab setiap soalan tersebut dengan yakin dan tenang.

Aku, kini.

Hidupku banyak berubah. Setiap satu buku yang aku baca, mematangkan aku. Aku tidak lagi berasakan hidup aku kosong. Hidup aku bermakna. Hidup aku juga indah, dengan caraku yang tersendiri. Aku lebih kerap membeli buku secara atas talian, sama ada di laman buku lokal atau laman internasional seperti *Amazon*.


Aktiviti perkongsian ilmu yang aku hadiri, sudah menjadi aktiviti wajib di hujung minggu. Tempat aku berjumpa Aiman, ayah Nurin Amina. Dari pertemanan, aku dan Aiman telah pun bertunang minggu lalu. Aiman merupakan seorang duda yang kematian isteri. Aku bersyukur diberikan pasangan yang turut mempunyai minat yang sama denganku. Sekiranya tiada aral melintang, kami akan mendirikan rumah tangga hujung tahun ini.

Masalah depresiku semakin membaik. Aku sudah tidak perlu mengikuti rawatan susulan dan berhenti bergantung pada ubat. Aku bersenam setiap petang, mengurangkan pengambilan makanan manis dan cuba yang terbaik untuk menjalani gaya hidup sihat. Aku mula berjumpa dan berhubung kembali dengan rakan-rakanku semasa zaman universiti. Hampir setiap hari Zureen menghubungiku dan ada masanya dia ke Perlis, sudah menjadi aktiviti wajib untuk dia tidur di rumahku.

Aku kini semakin aktif berniaga dan mengikut perancangan, sekiranya tiada aral melintang, aku akan membuka kedai makanku sendiri di pekan Kangar. Fokusku adalah pada penyediaan masakan tengahari. Siapa sangka aku yang dulu cukup liat nak masuk dapur, kini akan menjadi chef di restoranku sendiri. Aturan Tuhan betul-betul diluar jangkaan akal fikiran manusia.


Buku? Aku masih suka membaca buku fizikal. Koleksi buku yang aku miliki memenuhi bilikku dan setengah daripada ruang tamu. Ibuku sering kali mengusikku “Adik, rumah kita ni dah macam perpustakaan dah mak tengok, penuh buku”. Ibu dan ayahku menyokong kuat hobiku untuk membaca buku.

Sesetengah mungkin menganggap membaca itu sekadar sebuah hobi mengisi masa lapang, tapi pada aku, buku lebih daripada itu. Buku adalah penyelamatku. Membuka mindaku, memberiku harapan untuk terus hidup, mengajarku pelbagai perkara yang aku tak peduli atau tak tahu suatu ketika dahulu. Tanpa buku, mungkin aku masih diuji dengan masalah depresi dan masih bergantung kepada ubat untuk terus hidup.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

